



TEKS UCAPAN

**YB DATO' KAYA SETIA
DATUK NAZRAN BIN MUHAMMAD
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2021
DAN PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM
NEGERI KELANTAN**

**TARIKH : 21 JAMADIL AWAL 1442H /
05 JANUARI 2021 (SELASA)**

MASA : 8:30 PAGI

**TEMPAT : DEWAN JAMUAN UTAMA,
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
BISMILLAHI RAHMANIR RAHIM**

SALUTATION

1. **SEGALA PUJI-PUJIAN HANYA LAYAK DITUJUKAN
KEPADA ALLAH S.W.T., TUHAN YANG MEMILIKI
SEKALIAN ALAM INI.**

2. **SELAWAT DAN SALAM DITUJUKAN KEPADA NABI
MUHAMMAD S.A.W., AHLI KELUARGANYA DAN PARA
SAHABATNYA.**

3. **TERIMA KASIH SAUDARA PENERUSI MAJLIS.**

4. **YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA
KANAN MENTERI BESAR KELANTAN**

5. **YANG BERHORMAT DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR KELANTAN**
6. **YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN**
7. **YANG BERHORMAT DATO' PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN**
8. **YANG BERHORMAT DATO' PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN**
9. **YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN**
10. **AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN, KETUA-KETUA JAJAHAN**
11. **DATO'-DATO', TENGGU-TENGGU, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN**

PENDAHULUAN

12. **ALHAMDULILLAH SYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA PADA PAGI YANG BERBAHAGIA INI KITA TELAH DIBERI KESEMPATAN UNTUK HADIR BERSAMA-SAMA BAGI MENJAYAKAN MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2021 DAN PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN.**

13. **SUKACITA SAYA MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI YANG SENANTIASA MELAPANGKAN MASA UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN SETIAP KALI ADANYA MAJLIS YANG MELIBATKAN KEHADIRAN BERSAMA DI ANTARA KERAJAAN DAN PEJAWAT AWAM.**

14. **INI ADALAH MERUPAKAN SATU GAMBARAN YANG JELAS BAHAWA KERAJAAN NEGERI DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG ERAT IBARAT AUR DENGAN TEBING, YANG SENTIASA BERSAMA DALAM MEMBANGUNKAN NEGERI KELANTAN, DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT.**

15. **PADA PAGI INI KITA AKAN SAMA-SAMA MENDENGAR AMANAT YANG AKAN DISAMPAIKAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN SEBAGAI PANDUAN KEPADA SEMUA PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS SEPANJANG TAHUN 2021 INI.**

DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN**PENCAPAIAN TAHUN 2020**

16. **PADA TAHUN 2020 DUNIA TERPAKSA MELALUI KRISIS PANDEMIK COVID-19 DAN WABAK ALAMI ITU TURUT MENJEJASKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KRISIS INI BUKAN SAHAJA MENGUJI KETABAHAN MALAH MENGUBAH POLA KEHIDUPAN SEHARIAN KITA DENGAN NORMA BAHARU TERMASUKLAH PENJAWAT AWAM.**

17. **NAMUN DI SEBALIK KETIDAKSELESAAN YANG MELANDA SELURUH DUNIA INI, KITA HARUS BERSYUKUR KERANA MASIH DIBERI SEMANGAT DAN KEKUATAN UNTUK MENDEPANI UJIAN ALLAH SWT INI. SEHARUSNYA KITA HENDAKLAH SENTIASA BERSABAR DALAM MENGHADAPI KEMELUT PANDEMIK COVID-19 INI.**

18. **SELAKU PENJAWAT AWAM, KITA HENDAKLAH LEBIH PEKA DAN KREATIF DALAM MENGHADAPI NORMA BAHARU INI DAN TIDAK MENGURANGKAN WALAU SEDIKIT PUN PERKHIDMATAN KITA KEPADA RAKYAT TERUTAMA DI SAAT MEREKA DALAM KESUSAHAN.**

19. **SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PENJAWAT AWAM NEGERI KERANA WALAU DALAM SAAT KITA SEDANG MENYESUAIKAN DIRI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN MENGIKUT NORMA BAHARU INI, KERAJAAN NEGERI TELAH MENEMPA BEBERAPA KEJAYAAN-KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN YANG BAIK SEPANJANG TAHUN 2020. ANTARANYA :**

20. **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN TELAH DIANUGERAHKAN PENARAFAN LIMA BINTANG PENGURUSAN PSIKOLOGI DI MANA ANTARA EMPAT DARIPADA 13 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELURUH NEGARA YANG MEMPEROLEHI LIMA BINTANG.**

21. **MAJLIS DAERAH JELI DAN MAJLIS DAERAH PASIR MAS TELAH TERSENARAI DALAM 10 BUAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI MALAYSIA YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN MARKAH YANG SIGNIFIKAN BAGI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-BPT) YANG DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

22. **MAJLIS DAERAH JELI TELAH DIBERI PENGIKTIRAFAN OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) SEBAGAI ANTARA 10 BANDAR PALING BAHAGIA MELALUI PLANMALAYSIA.**

23. **BANDAR KUALA KRAI JUGA TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI BANDAR TERBERSIH NEGERI KELANTAN MELALUI PROGRAM KELANTAKU BERSIH**

24. **KEJAYAAN-KEJAYAAN INI ADALAH MENIFESTASI KEPADA PERLAKSANAAN PELAN STRATEGIK KELANTAN MELANGKAH KEHADAPAN-KEBERKATAN, KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN SELARI DENGAN DASAR “MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”.**

***DATO'-DATO', TENGGU-TENGGU, TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN***

25. **KEJAYAAN-KEJAYAAN PADA TAHUN 2020 TIDAK SEHARUSNYA BERHENTI SETAKAT ITU SAHAJA. BAHKAN PENEKANAN HENDAKLAH DIBERIKAN PADA TAHUN 2021 INI KERANA IANYA ADALAH LEBIH MENCABAR. MAKA, PENJAWAT AWAM MELALUI JABATAN MASING-MASING PERLU MEMASTIKAN DASAR-DASAR YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN SEPERTI YANG DINNYATAKAN TADI AKAN TERUS DIDOKONG DAN DILAKSANAKAN.**

26. **OLEH YANG DEMIKIAN, PADA TAHUN 2021 INI, HALATUJU PENTADBIRAN NEGERI ADALAH UNTUK MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN KEPADA PERLAKSANAAN DASAR-DASAR NEGERI SUPAYA IA MENCAPAI MATLAMAT YANG LEBIH OPTIMUM.**

PENEKANAN KEPADA PERANCANGAN PEMBANGUNAN

27. DARI SEGI PERANCANGAN PEMBANGUNAN, KERAJAAN NEGERI KELANTAN MELALUI PLANMALAYSIA@KELANTAN PADA TAHUN 2020 TELAH MENYEDIAKAN SEBANYAK 23 PELAN SUSUNATUR PEMBANGUNAN PROJEK-PROJEK KHAS UNTUK SELURUH NEGERI KELANTAN YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN DAN TINDAKAN BAGI MEMASTIKAN IANYA DILAKSANAKAN DENGAN SEBAIKNYA. ANTARA PROJEK-PROJEK TERSEBUT ADALAH SEPERTI;
28. PERTAMA: CADANGAN PEMBANGUNAN BANDAR BERKONSEPKAN ISLAM (ISLAMIC CITY) SELUAS 116.45 EKAR DI MUKIM TIONG JAJAHAN KOTA BHARU, KELANTAN. PEMBANGUNAN BANDAR INI DIRANCANG SECARA HOLISTIK, DIMANA IANYA BUKAN SAHAJA DAPAT MENJANA AKTIVITI EKONOMI, MALAH MEWUJUDKAN PELBAGAI PELUANG PEKERJAAN DAN MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR YANG SISTEMATIK DAN MODEN. BANDAR BARU INI MERUPAKAN SATU-SATUNYA

PEMBANGUNAN BANDAR BERKONSEPKAN ISLAM DI NEGERI KELANTAN YANG DIRANCANG SECARA MENYELURUH. IANYA AKAN DIJADIKAN SEBAGAI IKONIK BARU KEPADA PEMBANGUNAN BANDAR DI NEGERI KELANTAN. INI ADALAH KERANA, KOMPONEN UTAMA PELAN SUSUNATUR PEMBANGUNAN YANG DISEDIAKAN, MELETAKKAN MASJID SEBAGAI PAKSI DI DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN BANDAR. SELAIN ITU, ANTARA KOMPONEN PEMBANGUNAN YANG TERDAPAT DI DALAM BANDAR BARU INI ADALAH KEDIAMAN MAMPU MILIK DAN KEDIAMAN MEWAH YANG SELESA, KAWASAN PERNIAGAAN YANG BERKONSEPKAN HALAL HUB DAN AS-SOOQ, PUSAT KOMUNITI DAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM DAN MUALAF, MUZIUM DAN LAIN-LAIN LAGI. KONSEP SENIBINA MELAYU-ISLAM KELANTAN DITERAPKAN DALAM REKABENTUK BANGUNAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN INI. IANYA JUGA MEMBERI PENEKANAN KEPADA KAWASAN HIJAU DAN TAMAN HUTAN BANDAR YANG INDAH DAN MENARIK. PEMBANGUNANNYA JUGA DIRANCANG SECARA BERSEPADU YANG MERANGKUMI BANDAR PINTAR,

BANDAR SELAMAT, BANDAR SIHAT, BANDAR SEJAHTERA, BANDAR MAMPAN DAN BANDAR BERDAYA TAHAN. PERLAKSANAAN PEMBANGUNANNYA JUGA TELAH DIMULAKAN PADA BULAN OKTOBER 2020 IAITU KERJA-KERJA PENGOREKKAN KOLAM TAKUNGAN SELUAS 3 EKAR DAN KERJA-KERJA AWALAN KERJA TANAH.

29. **KEDUA: CADANGAN PEMBANGUNAN TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT (TOD) TUNJONG, SELUAS 221.83 EKAR DAPAT MERANSANG EKONOMI NEGERI KELANTAN SECARA JANGKA PANJANG KERANA PEMBANGUNANNYA DIINTEGRASIKAN BERSAMA DENGAN PEMBINAAN STESYEN ECRL KOTA BHARU.**

30. **KETIGA: CADANGAN PEMBANGUNAN PONDOK MODEN ANTARABANGSA DI ATAS TANAH KERAJAAN SELUAS 246.77 EKAR, MUKIM KELAWEH, DAERAH PANGKAL MELERET, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN DARUL NAIM.**

31. **KEEMPAT: CADANGAN PELAN INDUK BANDAR SUKAN BUKIT MERBAU DI ATAS LOT 1798 DAN PT4859, SELUAS 310.94 EKAR, MUKIM BUKIT MERBAU, DAERAH BUKIT JAWA, JAJAHAN PASIR PUTEH, KELANTAN DARUL NAIM.**

32. **KELIMA: CADANGAN MADINAH RAMADHAN MASJID SULTAN MUHAMMAD KE-V SELUAS 8.937 EKAR DI DALAM KAWASAN BANDAR BARU TUNJONG, MUKIM KOTA, DAERAH PENDEK, JAJAHAN KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM.**

33. **KEENAM: CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN KONSEVASI RAFFLESIA SELUAS 1000 EKAR MUKIM SIGAR, LOJING, GUA MUSANG. PROJEK INI DIPERINGKAT PELAKSANAAN PEMBINAAN JALAN MASUK SEPANJANG 2 KM DARI JALAN UTAMA LOJING -GUA MUSANG, DIMANA PEMBINAANNYA TELAH MENCAPAI 95% SIAP. FASA-FASA PEMBANGUNAN SETERUSNYA AKAN BERMULA PADA TAHUN INI(2021) IAITU MELIBATKAN GLAMPING SITE (42 EKAR) TAMAN RUSA DAN HERBARIUM (68.45 EKAR), TANAMAN POKOK HUTAN (389.5EKAR) DAN**

PUSAT KONSERVASI REFLESIA (500 EKAR). DAN LAIN-LAIN LAGI PROJEK KHAS DIBAWAH KERAJAAN NEGERI.

- 34. PADA TAHUN 2020 JUGA, KERAJAAN NEGERI TELAH MENGARAHKAN PLANMALAYSIA@KELANTAN MENYEDIAKAN DUA (2) RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) SECARA IN HOUSE, IAITU RKK BANDAR BARU TUNJONG, KOTA BHARU 2035 DAN RKK BANDAR DATO' BENTARA, GUA MUSANG 2035. KEDUA-DUA RKK TERSEBUT TELAH SIAP DISEDIAKAN DAN TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI PADA 03 JANUARI 2021 DAN SETERUSNYA AKAN DIANGKAT UNTUK PERAKUAN MMKN BAGI TUJUAN PERWARTAAN. KEDUA-DUA RKK TERSEBUT DIJANGKA DAPAT MENARIK PELABUR SEKALIGUS MERANCAKKAN LAGI AKTIVITI EKONOMI DI KAWASAN PANGGUNG LALAT GUA MUSANG DAN BANDAR BARU TUNJONG, KOTA BHARU.**

35. **PADA TAHUN 2021, DIJANGKAKAN 15 LAGI PELAN-PELAN PEMBANGUNAN AKAN DISEDIAKAN OLEH PLANMALAYSIA@KELANTAN BERPANDUKAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN YANG BERPOTENSI YANG TELAH DIKENALPASTI DIDALAM RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS. DIANTARA PROJEK-PROJEK TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT;**

- i) PERTAMA: CADANGAN PELAN PEMBANGUNAN KAWASAN PELANCONGAN DANAU TO'UBAN, JAJAHAN PASIR MAS.**
- ii) KEDUA: PELAN PEMBANGUNAN ZOO DI JERAM MENGAJI, PASIR PUTEH YANG MANA BAGI PROJEK INI DAN PROJEK TAMAN HAIWAN DI KUALA KRAI, KERAJAAN NEGERI TELAH MELULUSKAN DANA SEBANYAK 1 JUTA RINGGIT BAGI SETIAP PROJEK.**
- iii) KETIGA: PELAN INDUK LANDSKAP NEGERI KELANTAN**

- iv) **KEEMPAT: PELAN INDUK KAWASAN PELANCONGAN WARISAN KAMPUNG LAUT DAN PEMBANGUNAN *WATER FRONT*, DI TUMPAT. DAN LAIN-LAIN LAGI.**
36. **PADA TAHUN 2021 JUGA, PLANMALAYSIA@KELANTAN DIMINTA UNTUK MENYEDIAKAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) SECARA IN HOUSE IAITU;**
- i) **RKK DANAU TO' UBAN, PASIR MAS;**
 - ii) **RKK WARISAN KAMPUNGLLAUT;**
 - iii) **RKK PERSISIR PANTAI BACHOK;**
 - iv) **RKK JERAM MENGAJI DAN**
 - v) **PINDAAN RKK LOJING.**
37. **DENGAN TERTUBUHNYA JAWATANKUASA KAWALSELIA MERANCANG DAN MENYELARAS AKTIVITI-AKTIVITI PEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN (JKMPPP) NEGERI KELANTAN PADA 29 JUN 2019, PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK-**

PROJEK BERIMPAK TINGGI DAPAT DISELESAIKAN DALAM MASA YANG SINGKAT WALAUPUN KITA MENGHADAPI KEKANGAN PANDEMIC COVID 19. PADA TAHUN 2020, JKMPPP TELAH BERJAYA MELULUSKAN 56 PROJEK IAITU DIANTARANYA;

- i) CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK HIDROELEKTRIK NENGGIRI SELUAS 6500 HEKTAR DI MUKIM ULU NENGGIRI, DAERAH BERTAM, JAJAHAN GUA MUSANG;**
- ii) CADANGAN PEMBANGUNAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN, TUNJONG;**
- iii) CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR, BANDAR BARU KOTA HARTAMAS, WAKAF BHARU, TUMPAT;**
- iv) CADANGAN LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL) SEKSYEN A BAGI JAJAHAN KOTA BHARU, BACHOK,PASIR PUTEH DAN MACHANG;**
- v) PROJEK LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU SUNGAI KELANTAN FASA 1 (REKA DAN BINA)**

YANG MELIBATKAN 6 JAJAHAN IAITU KOTA BHARU, PASIR MAS, TUMPAT, TANAH MERAH, MACHANG DAN KUALA KRAI;

vi) PROJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR TERAPUNG DI TASIK DANAU TO' UBAN, JAJAHAN PASIR MAS; DAN LAIN-LAIN LAGI.

38. MELALUI PROJEK-PROJEK MEGA TERSEBUT, AKAN DAPAT MERANGSANG DAN MERANCAKKAN LAGI EKONOMI NEGERI KELANTAN SETERUSNYA DIJANGKA MAMPU MEMACU NEGERI INI SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG BERDAYA SAING.

39. BAGI PROJEK-PROJEK YANG BERTERASKAN PELANCONGAN DAN REKREASI, PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI BERHARAP IA AKAN MENJADI TEMPAT TARIKAN BAHARU UNTUK DIJADIKAN LOKASI MERAWAT DAN MEREHATKAN MINDA. PROJEK PELANCONGAN DOMESTIK INI SETERUSNYA DIHARAPKAN AKAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SETEMPAT.

40. SELAIN ITU, MELALUI PELAKSANAAN JKMPPP INI JUGA, KERAJAAN NEGERI MENDAPAT PULANGAN HASIL DARIPADA KUTIPAN BAYARAN FI PERMOHONAN BAGI TAHUN 2020 SEBANYAK RM 11,753,992.01.

41. SAYA JUGA MEMINTA SUPAYA PLANMALAYSIA@KELANTAN MENYEMAK SEMULA DASAR-DASAR DAN GARIS PANDUAN YANG TELAH DITETAPKAN DI DALAM RANCANGAN TEMPATAN SELURUH NEGERI KELANTAN DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENETAPAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS), SUPAYA DAPAT MENGIMBANGI DENGAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI TERUTAMANYA BAGI AKTIVITI PERLOMBONGAN, PERLU DIKELUARKAN KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN DARIPADA KAWASAN KSAS.

42. **APA YANG INGIN SAYA TEKANKAN DISINI IALAH PERTUMBUHAN BANDAR-BANDAR BAHARU INI AKAN DIDASARI DENGAN TONGGAK-TONGGAK KEBERKATAN, KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN YANG MANA IA AKAN MENYELESAIKAN MASALAH KEPERLUAN RUMAH UNTUK GOLONGAN MISKIN, MEWUJUDKAN BANDAR SIHAT DAN SEJAHTERA DENGAN MENGADAKAN TAMAN-TAMAN REKREASI DAN RIADHAH SERTA PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI YANG MESRA ALAM, DAN DAPAT MEMBANTU GOLONGAN ANAK YATIM DAN MISKIN DENGAN DIWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN MELALUI PENYEDIAAN RUMAH-RUMAH KEDAI TERMASUK RUMAH MAMPU MILIK.**
43. **DI SAMPING ITU, HASIL PENDAPATAN KERAJAAN JUGA DAPAT DIPERTINGKATKAN MELALUI CUKAI-CUKAI YANG DIKENAKAN BAGI PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN DI SAMPING PEMASARAN BANGUNAN – BANGUNAN KOMERSIL YANG MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KOMPONEN BANDAR-BANDAR BAHARU INI NANTI.**

PEMERKASAAN PENTADBIRAN

44. PERANCANGAN PEMBANGUNAN YANG TERSUSUN TIDAK AKAN MENJADI REALITI JIKA SEKTOR PENTADBIRAN TIDAK DIPERKASAKAN. MAKA KERAJAAN PADA TAHUN 2021 INI AKAN MEMPERKASAAN PENTADBIRAN DENGAN DENGAN MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH IAITU :

- i) MELALUI KAEDAH PENGUKUHAN ORGANISASI DAN
- ii) PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

PENUBUHAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN NEGERI

45. BAGI TUJUAN PENGUKUHAN ORGANISASI, KERAJAAN NEGERI BERSETUJU UNTUK MENUBUHKAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN NEGERI YANG MANA IA BERPERANAN SEBAGAI PENYELARAS DALAM MEMPERKASAKAN AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN BAGI KESALAHAN DIBAWAH BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI TERUTAMA MELIBATKAN SUMBER ASLI SEPERTI

TANAH, AIR, MINERAL DAN PERHUTANAN. PENGUATKUASAAN YANG BERTERUSAN DAN BERSEPADU INI BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR DAN SUMBER AIR TERJAGA DAN TIDAK TERCEMAR. DISAMPING ITU PENDEKATAN INI BERTUJUAN BAGI MEMASTIKAN KETIRISAN SUMBER DAN HASIL NEGERI DAPAT DIMINIMAKAN SEKALIGUS AKAN MELONJAKKAN PENDAPATAN NEGERI PADA MASA AKAN DATANG. S

PENGISIAN PERJAWATAN TETAP DAN KONTRAK

46. SELAIN ITU, KERAJAAN NEGERI SENTIASA KOMITED BAGI MEMASTIKAN PENJAWAT AWAM SENTIASA DIPERKASAKAN DARI SEMASA KE SEMASA. SEHINGGA DISEMBER 2020 PENGISIAN BAGI PERJAWATAN TETAP ADALAH SERAMAI 3,419 ORANG. MANAKALA BAGI JAWATAN KONTRAK, BERELAUN, DAN SAMBILAN ADALAH SERAMAI 841 ORANG. SUKACITA SAYA MEMAKLUMKAN BAHAWA MULAI TAHUN 2021, KERAJAAN NEGERI KELANTAN TELAH BERSETUJU UNTUK MEMPERKASAKAN PERJAWATAN BERELAUN DAN SAMBILAN SEDIA ADA

UNTUK DINAIKTARAF KEPADA PERJAWATAN KONTRAK. KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH MELULUSKAN SKIM PERJAWATAN BARU YANG DINAMAKAN JAWATAN BERASASKAN CARUMAN ATAU JBC IAITU LANTIKAN KONTRAK JANGKA PANJANG YANG TIDAK PERLU DIPERBAHARUI SETIAP TAHUN.

47. INI BERMAKSUD HANYA SKIM PERJAWATAN TETAP, JBC DAN KONTRAK SAHAJA YANG AKAN DIGUNAPAKAI DALAM PENTADBIRAN NEGERI KELANTAN YANG MANA SKIM BERELAUN DAN SAMBILAN AKAN DIMANSUHKAN. USAHA INI SELAIN BERTUJUAN MENINGKATKAN TARAF EKONOMI PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN DENGAN PEMBAYARAN EMOLUMEN SECARA BULANAN YANG LEBIH KOMPETITIF, IA AKAN MENGUKUHKAN LAGI ORGANISASI DENGAN MEMPUNYAI KAKITANGAN YANG LEBIH CEKAP DAN EFISYEN.

48. **MENGAMBILKIRA TANGGUNGJAWAB SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN BERKEBAJIKAN YANG MENGUTAMAKAN RAKYAT, PADA TAHUN 2020 KERAJAAN NEGERI KELANTAN MELALUI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI DAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TELAH MELANTIK SERAMAI 293 ORANG LANTIKAN BARU SECARA TETAP, KONTRAK DAN SAMBILAN BAGI MENGISI KEKOSONGAN DAN KEPERLUAN DI JABATAN-JABATAN NEGERI.**

49. **MANAKALA PADA TAHUN 2021, DIJANGKA SEBANYAK 300 PELANTIKAN BARU AKAN DIBUAT BAGI MENGISI KEPERLUAN JAWATAN SECARA TETAP, JAWATAN BERASASKAN CARUMAN DAN KONTRAK.**

50. **PENGAMBILAN KAKITANGAN BARU INI ADALAH MERUPAKAN USAHA KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMBANTU DAN MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT NEGERI KELANTAN TERUTAMA MEREKA YANG HILANG PEKERJAAN DISEBABKAN WABAK COVID 19 SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT**

MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI. USAHA MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN ADALAH SALAH SATU STRATEGI DALAM MENCAPAI MATLAMAT KMK MELALUI TONGGAK KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN.

PERKASAKAN PENJAWAT AWAM MELALUI LATIHAN

51. **WALAU APA JUA INISIATIF YANG DIPUTUSKAN DIPERINGKAT NEGERI, IA TETAP BERGANTUNG KEPADA TENAGA KERJA DAN KAKITANGAN YANG KOMPETEN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS. USAHA-USAHA KEARAH PENAMBAHBAIKAN SUMBER MANUSIA HENDAKLAH DITITIKBERATKAN DALAM SEMUA JABATAN.**

52. **SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PROGRAM LATIHAN PENJAWAT AWAM AKAN DIPERKASAKAN SUPAYA SETIAP PENJAWAT AWAM SENTIASA DIBEKALKAN DENGAN ILMU YANG LENGKAP DAN SESUAI DENGAN BIDANG TUGAS. PENAJAAN KURSUS-KURSUS PASCA SISWAZAH JUGA AKAN MENGAMBILKIRA BIDANG-BIDANG UTAMA YANG SESUAI DENGAN BIDANG**

PEKERJAAN DAN TUGAS SESEORANG PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN SEPERTI BIDANG EKONOMI, PENTADBIRAN AWAM, PENTADBIRAN TANAH DAN PERANCANGAN BANDAR SUPAYA IA DAPAT DIMANFAATKAN DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA KERAJAAN DAN RAKYAT.

53. **SELAIN ITU JUGA, SEBAGAI GALAKAN DAN MOTIVASI KEPADA PENJAWAT AWAM UNTUK BERKHIDMAT DENGAN LEBIH CEMERLANG, KERAJAAN NEGERI BERSETUJU UNTUK MELAKSANAKAN PEMBERIAN ELAUN TIDAK BERPENCEN (ETB) SEBAGAI PENGIKTIRAFAN KEPAKARAN PEGAWAI BERDASARKAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT) DAN LALUAN SECARA PANTAS (FAST TRACK). SEHINGGA DISEMBER 2020, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN MELALUI JAWATANKUASA KOMPETENSI DAN PRESTASI PEGAWAI AWAM NEGERI KELANTAN TELAH MELULUSKAN ETB KEPADA 46 ORANG PEGAWAI TERMASUK KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI, PENGURUSAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN SOKONGAN.**

54. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JUGA SEDANG MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENYEDIAKAN MANUAL SECARA PRAKTIKAL PENTADBIRAN TANAH DI NEGERI KELANTAN BAGI MEMASTIKAN SETIAP KAKITANGAN TERUTAMA PETUGAS DI BARISAN HADAPAN MEMPUNYAI CUKUP PANDUAN DAN RUJUKAN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS SEKALIGUS MENAMBAH KECEKAPAN KAKITANGAN DALAM MEMPROSES KEPERLUAN-KEPERLUAN PELANGGAN. BUKU PANDUAN INI KELAK AKAN MENJADI ASAS RUJUKAN UTAMA DI SEMUA PEJABAT-PEJABAT TANAH DI NEGERI INI DISAMPING PANDUAN BAGI PEMAIN-PEMAIN INDUSTRI DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH.

PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

55. BAGI MENAMBAH KECEKAPAN DALAM PENTADBIRAN, PIHAK PENTADBIRAN SEDANG MENGAJI UNDANG-UNDANG LAMA YANG PERLU DIBUAT PEMBAHARUAN SAMA ADA MELALUI PINDAAN ATAU MENYEDIAKAN SET PERUNDANGAN YANG BAHARU SUPAYA IA SEIRING DENGAN ARUS

PEMODENAN DAN PEREDARAN ZAMAN SERTA TUNTUTAN PEMBANGUNAN. OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN NEGERI TELAH BERSETUJU UNTUK MEWARTAKAN PERLUASAN PEMAKAIAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) DIBAWAH SEKSYEN 7 SERTA MEMBUAT PINDAAN KEPADA KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN AM DIBAWAH SEKSYEN 58(2)(j) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN KEBENARAN MERANCANG BAGI LALUAN BAWAH TANAH DAN LAUT YANG MELIBATKAN INDUSTRY PETROLEUM DAN PELANTAR MINYAK. IA MERUPAKAN STRATEGI BAGI MENDAPAT HASIL BAHARU DARI AKTIVITI INDUSTRI PETROLEUM DI PERAIRAN KELANTAN YANG MANA HASILNYA NANTI AKAN MEMBERI PULANGAN DAN MANAFAAT KEPADA KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT.

56. SELAIN ITU, KERAJAAN MEMANDANG SERIUS KEPADA ISU PEMAKANAN BERSIH DAN HALAL TERUTAMA YANG MELIBATKAN MAKANAN BERTERASKAN DAGING SAMA ADA DARI JENIS HAIWAN RUMINAN ATAU PUN UNGGAS KERANA

MENCARI YANG HALAL ITU ADALAH TUNTUTAN WAJIB DIDALAM ISLAM. OLEH YANG DEMIKIAN, KAWALAN TERHADAP KEMASUKAN HAIWAN TERNAKAN RUMINAN SEPERTI LEMBU, KERBAU DAN KAMBING DAN JENIS UNGGAS SEPERTI AYAM DAN BURUNG TELAH DIPERKETATKAN TERUTAMA BERKAITAN KAEDAH PENYEMBELIHAN DAN TEMPAT PENYEMBELIHAN SUPAYA IA DATANG DARIPADA PUNCA YANG BERSIH DAN HALAL.

- 57. BAGI MENANGANI ISU INI, KERAJAAN TELAH MEMBUAT KAJIAN DAN DIPERINGKAT AKHIR UNTUK DIBENTANGKAN DALAM SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI AKAN DATANG SATU RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN TERNAKAN RUMINAN 2021 BAGI MENGGANTIKAN ENAKMEN LEMBU KERBAU 1968 SELAIN SEDANG MENGAJI UNTUK DIKUATKUASAKAN SEPENUHNYA KAEDAH-KAEDAH PELESENAN LOJI PENYEMBELIHAN UNGGAS 2016 DI BAWAH ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS NEGERI KELANTAN 2005. PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG INI SELAIN DARIPADA BERTUJUAN MEMASTIKAN BAHAN DAGING YANG DIJUAL DI NEGERI INI HALAL**

DAN SELAMAT, IA JUGA MERUPAKAN USAHA KERAJAAN DALAM MEMAKSIMUMKAN HASIL EKONOMI BERTERASKAN BAHAN DAGING TANPA MENJEJASKAN KEBAJIKAN SOSIAL RAKYAT DI NEGERI INI.

LAIN-LAIN INISIATIF

58. SEBAGAI RESPON KEPADA PENINGKATAN KOS PEMBANGUNAN TANAH YANG MELIBATKAN PECAH BAHAGIAN YANG RINGKAS, KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 INI AKAN MULA MELAKSANAKAN SECARA AGRESIF DASAR PERLAKSANAAN PERMOHONAN PECAH BAHAGIAN TANAH MELALUI JURUKUR KERAJAAN YANG DILANTIK OLEH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT TERUTAMA YANG BERPENDAPATAN RENDAH MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN MEREKA DENGAN KOS YANG MUNASABAH. IA SEKALIGUS MENGGALAKKAN PERMOHONAN SEDEMIKIAN DARIPADA RAKYAT DAN SETERUSNYA TURUT MENINGKATKAN LAGI HASIL PENDAPATAN NEGERI. KEGAGALAN MEMBUAT

PENAMATAN PEMILIKAN BERSAMA DIKALANGAN RAKYAT AKIBAT PENINGKATAN KOS TELAH MENYEBABKAN PEMBANGUNAN TANAH MENJADI TERBANTUT DAN IA AKAN MERUGIKAN NEGERI DARI SEGI PENINGKATAN HASIL EKONOMI. SELAIN ITU, PENDEKATAN INI AKAN MENDEKATKAN LAGI RAKYAT YANG BERPENDAPATAN RENDAH DENGAN KERAJAAN.

- 59. SELAIN ITU, JABATAN DAN AGENSI NEGERI JUGA PERLU BERGERAK MENGIKUT ARUS SEMASA. RENTETAN DARIPADA FENOMENA COVID 19 YANG MEMAKSA RAKYAT MENJALANI KEHIDUPAN MENGIKUT NORMA BAHARU TERMASUK MELAKSANAKAN URUSAN SECARA ATAS TALIAN, KERAJAAN NEGERI TELAH MEMPERKENALKAN PERMOHONAN-PERMOHONAN URUSAN TANAH SECARA ATAS TALIAN. ANTARANYA PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH SEBAGAIMANA PEKELILING PTG BILANGAN 4/2020. SAYA BERHARAP, INISIATIF INI DILANJUTKAN KEPADA JENIS-JENIS PERMOHONAN LAIN YANG**

BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA LEBIH SELAMAT, CEPAT DAN EFISYEN.

- 60. SETERUSNYA, TINDAKAN UNTUK MEMPERKASAKAN URUSAN PELUPUSAN TANAH DENGAN PENGGUNAAN SISTEM E-PAJAKAN DAN E-MILIK JUGA AKAN DILAKUKAN BAGI MEMBOLEHKAN PERTIMBANGAN SEGERA DIANGKAT KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI.**

- 61. SELAIN ITU, DALAM ASPEK PENGUKUHAN HASIL MINERAL, PENUBUHAN MAKMAL GEOKIMIA NEGERI KELANTAN BAGI MENGANALISA APA-APA MINERAL DAN MINERAL NADIR BUMI (REE) YANG AKAN MEMPERUNTUKAN MANA-MANA PELOMBONG ATAU PEMOHON TENEMEN MINERAL YANG MENJALANKAN AKTIVITI PERLOMBONGAN DI KELANTAN HENDAKLAH MENDAPAT PERAKUAN ANALISA SAMPEL DARIPADA MAKMAL TERSEBUT. USAHA INI JUGA AKAN DISOKONG OLEH CADANGAN UNTUK MENGADAKAN KOLABORASI DIANTARA PTG-UMK BAGI PENUBUHAN PUSAT KAJIAN LOGAM NADIR BUMI, EMAS DAN MINERAL-MINERAL LAIN.**

62. **DALAM USAHA MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU DAN *RENEWABLE ENERGY* BAGI MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR, KERAJAAN TELAH MELULUSKAN KEPUTUSAN DASAR UNTUK MENGGALAKKAN PERMOHONAN PENGGUNAAN TENAGA SOLAR DENGAN PELAKSANAAN DASAR MEMBENARKAN PENGGUNAAN TANAH KATEGORI PERTANIAN DAN BANGUNAN MELEBIHI 50% DARIPADA KELUASAN KESELURUHAN TANAH. INISIATIF INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MENYUMBANG KEPADA EKSPLORASI PUNCA HASIL BAHARU YANG LEBIH DINAMIK.**

*PELAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER
AIR NEGERI KELANTAN*

63. **KERAJAAN NEGERI TELAH MENGGUBAL DAN MELAKSANA PELBAGAI STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN UNTUK MENANGANI MASALAH DAN CABARAN UNTUK TEMPOH JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG BAGI MENGURUSKAN**

KEBOLEHDAPATAN DAN KEPERLUAN SUMBER AIR NEGERI. INI MERANGKUMI PENEKANAN UNTUK MENGENAL PASTI DAN MENANGANI JURANG DAN KEKANGAN YANG WUJUD BAGI MENGUKUHKAN TADBIR URUS SUMBER AIR. PENEKANAN TERSEBUT ADALAH MELALUI PENYEDIAAN STRUKTUR DASAR SERAGAM YANG AKAN MENGAWAL SELIA PIAWAIAN DAN AMALAN PENGURUSAN SUMBER AIR DI NEGERI INI. JUSTERU ITU, SATU PELAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR AKAN DIWUJUDKAN DAN AKAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021 OLEH JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN.

- 64. PELAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR INI MEMBERIKAN HALA TUJU DAN STRATEGI YANG JELAS DALAM MENGURUSKAN SUMBER AIR NEGERI BAGI BEKALAN SUMBER AIR YANG TERJAMIN DAN LESTARI. PELAN INI AKAN DIJADIKAN PLATFORM BAGI PENYELARASAN AMALAN DAN PENDEKATAN DALAM PENYEDIAAN PELAN PEMULIHARAAN SUMBER AIR YANG MELIBATKAN SEMUA AGENSI KERAJAAN DI NEGERI KELANTAN. PELAN INI MERANGKUMI KESEMUA GARIS PANDUAN**

PENTING DALAM MEMASTIKAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR YANG EFISYEN SEPERTI PELAN TINDAKAN PENCEMARAN SUMBER AIR, PELAN TINDAKAN HAKISAN PANTAI DAN TEBING SUNGAI, PELAN PENGURUSAN BENCANA AIR, PELAN PEWARTAAN KAWASAN TADAHAN AIR, KAJIAN SUMBER DAN BEKALAN AIR DAN PELAN PENYEDIAAN TAKUNGAN AIR PINGGIRAN SUNGAI (TAPS).

- 65. FOKUS UTAMA PELAN INI TIDAK LAIN DAN TIDAK BUKAN ADALAH UNTUK JAMINAN SUMBER AIR BERSIH TERUTAMA KETIKA KEMARAU, KELESTARIAN SUMBER AIR, PERKONGSIAN, PEMBANGUNAN KEUPAYAAN DAN KESEDARAN SELARAS DENGAN ARUS PEMBANGUNAN SEMASA.**

- 66. PELAN INI AKAN MENJADI RUJUKAN DAN PANDUAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DALAM TADBIR URUS SUMBER AIR NEGERI SAMADA DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI SERTA PIHAK SWASTA DAN MASYARAKAT SECARA AMNYA. ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN NEGERI**

UNTUK MELIHAT SEMUA PIHAK, KHUSUSNYA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PENGURUSAN SUMBER AIR DAPAT BEKERJASAMA MERIALISASIKAN PELAKSANAAN PELAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR SECARA HOLISTIK.

DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,

- 67. DI BAWAH TONGGAK KEMAKMURAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT, MEMBANGUN EKONOMI SETEMPAT DAN MENYELARAS PEMBANGUNAN SOSIAL DAN FIZIKAL MERUPAKAN ANTARA FOKUS UTAMA KERAJAAN NEGERI UNTUK DIPERKASAKAN SEBAGAIMANA YANG DIRENCANAKAN DI DALAM PELAN STRATEGIK KELANTAN MELANGKAH KE HADAPAN SUPAYA PBT DAPAT TAMPIL DENGAN LEBIH AKTIF DAN RELEVAN PADA TAHUN 2021.**

68. **AGENDA KEBERSIHAN DENGAN PROGRAM KELANTANKU BERSIH YANG MERUPAKAN BIDANG FOKUS KEPADA HALATUJU KMK (2018 -2023) TELAH MULA MENUNJUKKAN KEBERKESANAN DALAM MEMBANGKITKAN KESEDARAN AWAM MELALUI KEMPEN DAN PROGRAM-PROGRAM YANG DIJALANKAN. DENGAN PERUNTUKAN BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI BERJUMLAH RM10 JUTA DI BAWAH PROGRAM KEBERSIHAN DAN KECERIAAN BAGI TAHUN 2021, LANGKAH MEMERKASAKAN BAHAGIAN KEBERSIHAN DI PBT DITERUSKAN OLEH KERAJAAN NEGERI DENGAN PEMBELIAN JENTERA, PERALATAN INFRASTRUKTUR KEBERSIHAN DI SAMPING PROGRAM-PROGRAM KEBERSIHAN LAIN. DENGAN BANTUAN TERSEBUT, KERAJAAN NEGERI MENUNTUT AGAR PIHAK PBT MEMASTIKAN KEBERKESANAN GERAK KERJA KEBERSIHAN DI PBT DIPERTINGKATKAN DENGAN LEBIH OPTIMA DAN EFISIEN.**
69. **PIHAK PBT JUGA DIMINTA UNTUK LEBIH KREATIF DAN FOKUS KEPADA ASPEK KECERIAAN DI KAWASAN PBT. TUMPUAN KEPADA KERJA-KERJA**

PENGINDAHAN SERTA LANGKAH MEWUJUDKAN TAMAN-TAMAN KECIL ATAU POCKET PARK DI BANDAR BANDAR MULA MENJADI TARIKAN DAN KEPERLUAN YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PBT MELALUI APA-APA KAEDAH YANG SESUAI.

- 70. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN AKIBAT PANDEMIC COVID 19 TELAH MEMBUKA DIMENSI BARU BAGI SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI INI. KAWASAN-KAWASAN TARIKAN SEMULAJADI SEMAKIN TULAR DAN MENJADI TUMPUAN ORANG RAMAI. SEMUA PBT DIHARAP DAPAT MEMASTIKAN KAWASAN-KAWASAN INI DAPAT DINAIKTARAF DENGAN INFRASTRUKTUR YANG SESUAI DAN MENYEDIAKAN PAKEJ YANG LEBIH MENARIK. MENYEDARI KEPENTINGAN INI, BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH MENYEDIAKAN BANTUAN PERUNTUKAN DI BAWAH PERUNTUKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT UNTUK MEMBANTU PBT DI SAMPING BANTUAN-BANTUAN PERUNTUKAN YANG DITAWARKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG PERLU DIREBUT SEBIJAK MUNGKIN OLEH PIHAK PBT DEMI KESEJAHTERAAN**

**RAKYAT DISAMPING POTENSI UNTUK
MENINGKATKAN AKTIVITI EKONOMI SETEMPAT.**

71. **PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT MEMERLUKAN KEPADA PRASARANA, INFRASTRUKTUR YANG KONDUSIF SERTA LOKASI YANG STRATEGIK. ASAS-ASAS INILAH YANG PERLU DIRANGKA DAN DISEDIAKAN OLEH PBT UNTUK MERANCAKKAN KEMBALI AKTIVITI EKONOMI RAKYAT YANG TERKESAN DENGAN PANDEMIC COVID 19. OLEH YANG DEMIKIAN, PADA TAHUN 2021 KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH MENYEDIAKAN SEJUMLAH PERUNTUKAN DI BAWAH PERUNTUKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT UNTUK MEMBOLEHKAN PIHAK PBT MEMBINA LEBIH BANYAK GERAI GERAI MAMPU MILIK UNTUK TUJUAN JUALAN PRODUK-PRODUK TEMPATAN YANG SESUAI DENGAN BIMBINGAN PIHAK PBT. LANGKAH INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MEMBUKA JARINGAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT SETEMPAT DAN RUANG PENINGKATAN HASIL KEPADA PIHAK PBT.**

72. MELANGKAH TERUS KE HADAPAN, KERAJAAN NEGERI MELETAKKAN HARAPAN YANG TINGGI UNTUK MELIHAT PBT BERDAYA MAJU, MENJADI LEBIH AKTIF DAN PEKA DI DALAM MEYEDIKAN PERKHIDMATAN DAN PERSEKITARAN PERBANDARAN SELARAS DENGAN EKSPEKTASI RAKYAT. UNTUK MENCAPAI HASRAT ITU, SETIAP PBT PERLU MEMPERKASAKAN JENTERA PENTADBIRAN DENGAN LEBIH BAIK DAN BERKESAN, MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN MENINGKATKAN PUNCA PUNGUTAN HASIL DENGAN PELBAGAI PENDEKATAN. PERLANTIKAN SECARA KONTRAK PENOLONG SETIAUSAHA DI SEBELAS PBT OLEH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MERUPAKAN SALAH SATU USAHA UNTUK MEMBANTU PBT MENINGKATKAN DAYA URUSTADBIR YANG BAIK SELARAS DENGAN STRATEGI HALATUJU PELAN STRATEGIK KMK.
73. INSYAALLAH DENGAN KERJASAMA DAN ILTIZAM YANG TEGUH DARI SEMUA PIHAK, HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMPERKASAKAN PBT BAGI MEMBOLEHKAN PBT MENAWARKAN PERKHIDMATAN

YANG TERBAIK DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT SELARI DENGAN TONGGAK KEMAKMURAN, MEMBANGUN BERSAMA ISLAM AKAN DAPAT DICAPAI.

DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN

74. **SAYA JUGA MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA SEMUA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN YANG TELAH MEMBANTU KERAJAAN NEGERI DALAM MENJADI BARISAN HADAPAN (FRONT LINER) SEMASA KRISIS COVID MELANDA.**

75. **UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA SAYA PANJANGKAN KEPADA SEMUA JABATAN-JABATAN DAN AGENSI YANG TELAH BERSAMA-SAMA MENYOKONG SAYA MEMBANTU MENGURUS TADBIR NEGERI PADA TAHUN 2020. ADALAH DIHARAPKAN SOKONGAN INI DAPAT DITERUSKAN DENGAN LEBIH CEMERLANG INSYAALLAH PADA TAHUN 2021.**

76. **AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN, YANG BERHORMAT DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR KELANTAN, YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN, AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DAN SEMUA KETUA-KETUA JABATAN DAN HADIRIN-HADIRAT YANG TELAH DAPAT MELAPANGKAN MASA HADIR PADA HARI INI.**
77. **SAYA SUDAH UCAPAN SAYA INI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH WABARAKATUH.**